

SPRM siasat semua laporan walaupun babit parti politik

Keputusan bukan dibuat oleh satu pihak tetapi melalui mesyuarat harian

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak akan memilih bulu dalam menjalankan siasatan terhadap kes rasuah termasuk yang membabitkan parti politik.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamsun Baharin Mohd Jamil, berkata sejak negara mencapai kemerdekaan hingga kini, sistem keadilan jenayah di Malaysia berpaksikan kepada tiga pengasingan kuasa iaitu penguatkuasaan, perundangan dan kehakiman.

Katanya, keputusan untuk menjalankan siasatan terhadap sesuatu kes juga bukan diputuskan satu pihak semata-mata, sebaliknya melalui mesyuarat harian dianggotai ramai pegawai.

“Kita tidak pilih bulu. Kita buat siasatan sekiranya terima maklumat mengenai kejadian rasuah. Namun, apa yang terjadi, perkara yang berlaku pada peringkat mahkamah juga dikaitkan dengan SPRM.

“SPRM menjalankan siasatan tanpa mengira warna parti politik, tidak kira parti politik biru, merah atau hijau. Selagi kita terima laporan, kita akan siasat,” katanya ketika ditemu bual stesen radio MACC.fm yang disiarkan secara langsung melalui Facebook, semalam.

Justeru, Shamsun Baharin berkata, tidak timbul dakwaan bahawa SPRM menjadi kuda tunggangan parti politik.

Sementara itu katanya, SPRM berharap kementerian dan pihak universiti awam (UA) dapat mem-

perkenalkan modul antirasuah dan integriti sebagai usaha menyekat peningkatan trend kesalahan itu dalam kalangan bawah 40 tahun.

Beliau berkata, modul berkenaan adalah sebagai persediaan kepada generasi muda supaya lebih memahami dan bersedia apabila berada ‘di dunia sebenar’.

Katanya, SPRM juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memasukkan elemen antirasuah sama ada di sekolah mahu pun universiti.

Beliau berkata, pihaknya juga sudah menjalankan projek rintis dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk mewujudkan satu subjek khusus mengenai integriti dan rasuah, selain kini dikembangkan ke Universiti Putra Malaysia (UPM), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) serta Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Beliau juga berharap Modul Pengurusan Integriti yang wujud se-

jak 1999 dapat dilihat semula supaya penjawat awam diwajibkan menghadiri kursus berkaitan integriti serta antirasuah sepanjang kerjaya mereka.

Katanya, kajian SPRM mendapati daripada 4,654 yang ditahan kerana kesalahan rasuah antara tahun 2015 hingga 2019, sebanyak 47.6 peratus atau 2,217 membabitkan penjawat awam sama ada meminta atau menerima rasuah.

“Jika kita lihat tahun lalu, daripada seramai 1,101 orang yang ditahan, 525 terdiri daripada penjawat awam. Kalau kita lihat pula, 60 peratus membabitkan kesalahan menerima dan meminta wang rasuah,” katanya.

Shamsun Baharin berkata, penjawat awam juga perlu berani untuk tampil melaporkan perbuatan rasuah dalam jabatan dan agensi masing-masing.

Katanya, data SPRM menunjukkan antara 2012 sehingga tahun lalu, hanya 343 penjawat awam tampil memberi maklumat membabitkan kesalahan rasuah.



SPRM menjalankan siasatan tanpa mengira warna parti politik, tidak kira parti politik biru, merah atau hijau. Selagi kita terima laporan, kita akan siasat.

Shamsun Baharin Mohd Jamil,
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM

Beliau menegaskan, penjawat awam yang melapor dan menjadi saksi bagi kes rasuah dilindungi undang-undang seperti Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.